

7

SOALAN NO: 11

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB DATUK ROZMAN BIN ISLI

TARIKH: 8 NOVEMBER 2017

SOALAN:

Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sejauh manakah keberhasilan Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan 2016-2020 dalam usaha untuk mengurangkan kadar kemalangan dan kematian di tempat kerja serta apakah pendekatan berterusan Kementerian terhadap pembentukan budaya persekitaran kerja yang selamat dan sihat.

PR-1353-L03873

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan telah memperkenalkan Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan atau dikenali juga sebagai *Occupational Safety and Health Master Plan (OSH-MP)* sejak tahun 2005. Ia merupakan satu pelan jangka panjang bagi menangani isu-isu keselamatan dan kesihatan pekerjaan sehingga tahun 2020.
2. Fasa pertama OSH-MP 2006-2010 dan fasa kedua OSH-MP 2011-2015 telah berjaya menurunkan kadar kemalangan pekerjaan di tempat kerja sebanyak 46% iaitu 5.16 bagi setiap 1,000 orang pekerja pada tahun 2005 kepada 2.81 bagi setiap 1,000 pekerja pada tahun 2015. Manakala kadar kemalangan maut di tempat kerja pula menurun sebanyak 30% iaitu 6.93 bagi setiap 100,000 pekerja pada tahun 2005 kepada 4.84 bagi setiap 100,000 pekerja pada tahun 2015.
3. Hasil kejayaan penurunan kadar kemalangan dan maut pekerjaan sebelum ini, usaha berterusan dilaksanakan dengan memperkenalkan pelan lima tahun OSH-MP 2020 (2016-2020). Pelan ini memfokuskan usaha untuk menurunkan kadar kemalangan dan maut sebanyak 10% iaitu kepada 2.53 kemalangan bagi setiap 1,000 pekerja dan 4.36 kemalangan maut bagi setiap 100,000 pekerja menjelang tahun 2020.

9

4. Pendekatan berterusan Jabatan terhadap pembentukan budaya persekitaran kerja yang selamat dan sihat yang terdapat di bawah OSH-MP 2020 adalah dengan menggunakan lima strategi utama yang berteraskan usaha untuk meningkatkan kesedaran, tanggungjawab dan komitmen pihak berkepentingan terhadap KKP. Kelima-lima strategi tersebut adalah Kepimpinan Kerajaan, Pemerkasakan Pengurusan KKP, Perkongsian dan Jaringan KKP, Pengarusperdanaan Higien Industri dan Kesepakatan KKP di Persada Antarabangsa.